

KUALA LUMPUR, 24 OKT. (BERNAMA) -- LAGU +WE ARE THE WORLD+ YANG DINYANYIKAN BUAT PERTAMA KALINYA KETIKA UMAT DUNIA BERGABUNG UNTUK MENGHULURKAN DERMA KEPADA RAKYAT AFRIKA YANG MENGALAMI KEBULURAN BARU-BARU INI BERKUMANDANG DUA KALI DI BANGUNAN PARLIMEN HARI INI.

IA MERUPAKAN PADUAN NYANYIAN RAKYAT BERBILANG NEGARA UNTUK MENUNJUKKAN MEREKA BERSATU PADU DALAM MENGEJAR KEAMANAN DAN KEDAMAIAN DUNIA.

YANG TURUT BERSAMA KANAK-KANAK BEBERAPA BUAH SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH SEKITAR IBUNEGARA MENYANYIKAN LAGU ITU IALAH ANAK-ANAK DIPLOMAT-DIPLOMAT ASING DI MALAYSIA YANG BERPAKAIAN TRADISI NEGARA MASING-MASING.

SUASANA BERTAMBAH MERIAH APABILA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, MENTERI-MENTERI KABINET MALAYSIA, DUTA-DUTA ASING DAN WAKIL PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU SERTA KAKITANGANNYA TURUT MENYANYIKAN LAGU ITU SAMBIL MELAMBAI-LAMBAIKAN TANGAN MEREKA.

YANG MENGIRINGI MEREKA MENYANYIKAN LAGU ITU IALAH KOMBO POLIS DIRAJA MALAYSIA.

UPACARA PENUH SIMBOLIK ITU, MULA-MULA DI DEWAN BANKUET DAN KEMUDIAN DI PERKARANGAN BANGUNAN PARLIMEN, DILANGSUNGKAN DALAM SUASANA HARMONI SEMPENA ULANGTAHUN KE-40 PENUBUHAN PBB HARI INI ANJURAN PERSATUAN BANGSA-BANGSA BERSATU MALAYSIA. -- LAGI.

#### PBB - PERINGATAN 2 KUALA LUMPUR

MAJLIS BERMULA DENGAN FORMAL APABILA UCAPAN-UCAPAN DISAMPAIKAN OLEH WAKIL PBB DI MALAYSIA, ENCIK BJORN CARLSSON DIIKUTI OLEH TIMBALAN PRESIDEN UNMA, TUN HAJI OMAR YOKE LIN ONG DAN SETERUSNYA UCAPAN PERASMIAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR.

SETERUSNYA KANAK-KANAK BERPAKAIAN TRADISIONAL NEGARA-NEGARA YANG MEMPUNYAI KEDUTAAN DAN SURUHANJAYA TINGGI DI KUALA LUMPUR BERBARIS MASUK DAN MEREKA KEMUDIAN DISERTAI OLEH LEBIH 200 ORANG MURID SEKOLAH MENYANYIKAN LAGU +WE ARE THE WORLD+.

MAJLIS BERUBAH TEMPAT KE PERKARANGAN PARLIMEN YANG TERSEDIA SEBUAH RUMAH BURUNG BERBUMBUNG MINANGKABAU MENGURUNGI 159 EKOR BURUNG MERPATI UNTUK DILEPASKAN KEMUDIAN.

BURUNG-BURUNG ITU MELAMBANGKAN 159 BUAH NEGARA MERDEKA YANG MENGANGGOTAI PBB PADA MASA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DR SITI HASMAH BERSAMA-SAMA MENARIK TALI UNTUK MEMBUKA BUMBUNG RUMAH BURUNG ITU TETAPI BURUNG-BURUNG DI DALAMNYA TERAGAK-AGAK HENDAK TERBANG KELUAR. -- LAGI.

#### PBB - PERINGATAN 3 KUALA LUMPUR

SETELAH DI+PUJUK-PUJUK+ BARULAH SEEKOR DUA TERBANG BEBAS DENGAN DIIKUTI BEBERAPA SAAT KEMUDIAN OLEH SEBAHAGIAN BESAR BURUNG-BURUNG ITU DAN ITU PUN, BEBERAPA EKOR MASIH ENGGAN KELUAR.

SERENTAK DENGAN UPACARA MELEPASKAN BURUNG MERPATI ITU, SEKALI LAGI LAGU +WE ARE THE WORLD+ BERKUMANDANG DI UDARA YANG DINYANYIKAN OLEH SEKALIAN YANG HADIR KALI INI DENGAN IRINGAN KOMBO TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA.

YANG TURUT HADIR IALAH BEBERAPA ORANG ANGGOTA TENTERA MALAYSIA YANG BERKHIDMAT DI BAWAH PANJI-PANJI PBB DI KONGO DALAM TAHUN 1960.

DALAM UCAPANNYA DATUK SERI DR MAHATHIR MERAKAMKAN PENGHARGAAN NEGARA KEPADA MEREKA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA PERKHIDMATAN DAN PENGORBANAN MEREKA SENTIASA TERCATAT DALAM SEJARAH TANAHAIR.

--BERNAMA

1331MST 24 10 85